

## ***I Want to Touch a Dog:* Islam, Penyesuaian Tradisi dan Pembentukan Imej Melayu Moden**

Md Azalanshah Md Syed\*  
Universiti Malaya, Malaysia

\*Corresponding email: [azalan@um.edu.my](mailto:azalan@um.edu.my)

### **Abstrak**

Kajian kualitatif ini memfokuskan kepada penyertaan generasi muda Melayu dalam perdebatan popular mengenai kempen *I Want to Touch a Dog* menerusi media sosial. Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu ciri penting dalam proses pemodenan negara ialah penyertaan khalayak awam terhadap perbincangan isu-isu sosial bagi pembinaan masyarakat yang lebih demokratik. Berdasarkan kempen tersebut, kajian ini berhujah bahawa generasi muda Melayu hari ini mempunyai tafsiran yang rencam khasnya mengenai identiti dan imej peribadi. Mereka cenderung untuk menyesuaikan dan mentafsir semula struktur ideologi masyarakat Melayu khususnya Islam dengan tahap narsisisme yang tertentu. Pada masa yang sama, Islam turut menjadi objek imaginasi visual dalam membentuk tanggapan terhadap persekitaran sosial semasa. Penyertaan generasi muda Melayu dalam perdebatan yang rencam mengenai Islam, identiti dan perkaitannya menerusi kempen *I Want to Touch a Dog* telah meletakkan mereka sebagai khalayak sebar dalam teori kajian khalayak yang menyaksikan ketepuan penggunaan internet dalam konteks kehidupan seharian. Keadaan ini dipamerkan menerusi aspirasi terhadap imej-imej moden dan penyesuaian tradisi dalam membentuk imej Melayu semasa.

**Kata kunci:** Media Sosial, Identiti, Narsisisme, Melayu, Kajian Khalayak

*This qualitative study focuses on the participation of Malay youth in the popular debate of I Want to Touch a Dog campaign through social media. Without a doubt, the important feature of modernisation process in the country is public participation in the social issues discussion in order to form a better democratic society. This article highlights I Want to Touch a Dog campaign as a case study and argues that the current generation of Malay youth have various complex interpretations of individual images and identities. They have strong tendency to adjust and re-interpret ideological structure of the Malay society especially Islam with the level of particular narcissism. At the same time, Islam has become the object of visual imagination and forming the perception toward the current social environment. The participations of Malay youth in debating Islam, identity and its association, on prominent and popular social media, with the I Want to Touch a Dog campaign – mostly on their aspirations toward modern images and negotiation of tradition to form current Malay images which at the same time has classified them as diffused audience in the context of audience research.*

**Keyword:** Social Media, Identity, Narcissism, Malay, Audience Studies.

## **Pengenalan**

### **Generasi muda Melayu dan kempen *I Want to Touch a Dog***

Kajian ini memberi fokus kepada kecenderungan generasi muda Melayu semasa menggunakan media sosial dalam membentuk imej Melayu moden menerusi kepelbagaian tafsiran serta imaginasi terhadap wacana kemodenan semasa khususnya Islam yang menjadi komponen terpenting dalam ideologi kemodenan negara. Generasi muda Melayu hari ini menyertai secara aktif dalam sebarang perdebatan mengenai hal ehwal Islam terutamanya melalui media sosial seperti *YouTube* dan *Facebook*. Media sosial tidak hanya memberi peluang yang lebih baik untuk mengemukakan pandangan tanpa sebarang sekatan malah membolehkan mereka membina suatu ruang strategik dalam membentuk

identiti peribadi dan identiti sosial (Palfrey dan Gasser, 2013). Penyertaan aktif generasi muda Melayu dalam perdebatan mengenai Islam dalam konteks semasa dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai acara sosial. Antaranya ialah kempen *I Want to Touch a Dog* yang mendapat kritikan pelbagai parti politik, organisasi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Populariti dan sambutan terhadap kempen tersebut khususnya dalam kalangan generasi muda Melayu telah menimbulkan polemik baharu mengenai tafsiran mereka terhadap Islam yang menjadi tunjang ideologi masyarakat Melayu dan intipati penting kepada pembentukan kemodenan Malaysia. Kempen yang dianjurkan secara individu oleh Syed Azmi Al-Habsi di Taman Rekreasi Bandar Utama, Selangor pada 19 Oktober 2014, bertujuan mengatasi rasa takut dan kefahaman kepada masyarakat umum mengenai hukum-hukum Islam berkaitan anjing (*Berita Harian*, 2014a). Program ini juga bertujuan memberi tanggapan sebenar tentang keperluan menyelamatkan anjing dalam situasi kecemasan seperti kesakitan atau terbiar (*Mstar*, 2014).

Bagaimanapun, kempen yang digerakkan menerusi *Facebook* ini mengundang kritikan keras pemimpin politik Melayu dan pihak berkuasa agama khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selepas beberapa keping foto wanita Melayu bertudung yang menyentuh dan memeluk anjing tersebar menerusi media sosial (*Mstar*, 2014; *Berita Harian*, 2014b). Pemimpin parti politik khususnya UMNO memberi amaran kepada aktivis sosial Melayu yang bersikap liberal dan menganggap aktiviti kempen tersebut cuba mengubah hukum haram dan halal dalam Islam meskipun cenderung ke arah kebajikan (*Mstar*, 2014). Selain itu, JAKIM dan MAIS dalam kenyataannya berjanji untuk menyiasat kempen *I Want to Touch a Dog* walaupun ia mendapat kebenaran pihak berkuasa agama (*Mstar*, 2014; *Berita Harian*, 2014a).

Kempen ini mencetuskan kontroversi kerana melibatkan bauran nilai-nilai Islam dan penyesuaiannya dengan persekitaran moden dalam kalangan generasi muda Melayu hari ini. Malahan, pandangan, tafsiran dan kritikan yang dikemukakan dalam media sosial turut mempamerkan ciri narsisme yang tidak terbatas dan pesona imaginasi yang mewujudkan

suatu pemandangan (*spectacle*) kehidupan moden mengenai identiti serta hubungan sosial. Kontroversi kempen seperti *I Want to Touch a Dog* yang menyentuh isu sensitif khususnya Islam telah mendorong pihak kerajaan mengkaji semula dan memantau dengan ketat media sosial seperti *Facebook* dan *YouTube* mengikut undang-undang sedia ada (*The Malay Mail*, 2016). Ironinya, kawalan sedemikian adalah bertentangan dengan idea pendemokrasian maklumat (*Bernama*, 2015) dan Akta Jaminan MSC Malaysia 1998 yang memberi jaminan bahawa tiada penapisan dalam penggunaan internet di negara ini (*Utusan Malaysia*, 2015). Justeru, kempen *I Want to Touch a Dog* menerusi media sosial menjadi suatu medan penting dalam meneliti pembentukan identiti melalui pandangan peribadi dan hubungan sosial generasi muda Melayu dalam dunia moden.

Generasi yang turut dikenali sebagai generasi Y boleh dianggap sebagai produk kemodenan yang terhasil daripada usaha generasi Melayu baru pada dekad 1970-an dan 1980-an. Berbeza dengan generasi Melayu baru yang lahir ketika Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, generasi Y hari ini mempamerkan imej yang lebih moden khususnya dari segi hubungan sosial, penggunaan teknologi dan penaakulan wacana seharian. Minda dan gaya hidup mereka berbaur dengan proses perbandaran, sistem pendidikan yang efisien, budaya pengguna dan ketepuan aliran teks budaya global. Dengan menyerap ideologi kemodenan yang terhasil oleh proses pemodenan berterusan pada dekad 1970-an hingga 1990-an, mereka menjadi lebih peka dan cekap dalam melontarkan idea yang baharu, popular, terkini dan mengikut arus semasa.

Kajian ini berandaian bahawa generasi muda Melayu semasa mempunyai tafsiran yang rencam dalam meneliti wacana kemodenan semasa khususnya yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam. Mereka mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menyesuaikan dan mentafsir semula struktur ideologi masyarakat Melayu khususnya Islam dengan tahap narsisisme yang tertentu. Dalam hal ini, Islam turut menjadi objek imaginasi visual dalam membentuk tanggapan terhadap dunia yang didiami dan persekitaran semasa. Tafsiran mereka yang rencam menepati ciri khalayak sebar (*diffused audience*) dalam teori kajian khalayak (Abercrombie dan Longhurst, 1998) yang merujuk kepada

masyarakat moden semasa hari ini yang amat tepu dengan penggunaan media baharu khususnya internet.

Kempen *I Want to Touch a Dog* yang menarik perhatian warga internet khususnya generasi muda Melayu semasa telah menjadi suatu pesona kemodenan melalui dua proses interaksi penting iaitu pembentukan individu yang bersifat narsisistik dan peranan imaginasi visual yang bertanggungjawab mencorak identiti dan pandangan individu terhadap dunia moden. Keadaan ini secara tidak langsung, telah membentuk ideologi Melayu yang lebih moden, baharu dan rumit lantaran wujudnya kecenderungan untuk mentakrif semula subjek seperti anjing dan hubungannya dengan masyarakat Melayu dalam hal-hal seperti Islam, identiti dan wacana seharian.

Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan potensi media sosial dalam mewujudkan khalayak sebar yang begitu tepu dengan penggunaan teknologi media. Ciri penggunaan ini dizahirkan menerusi dua proses interaksi penting iaitu pembentukan ciri narsisistik dan peranan imaginasi visual dalam membentuk identiti dan wacana kemodenan. Seterusnya, kajian ini akan memberi tumpuan kepada konsep-konsep seperti Melayu baru dan Islam yang menjadi intipati utama dalam wacana kemodenan negara dan pengaruhnya dalam pembentukan identiti generasi Melayu semasa. Bahagian ketiga kajian ini akan menyentuh tentang pemilihan kaedah etnografi khalayak dan analisis kandungan kualitatif sebagai kaedah kajian. Bahagian terakhir memfokuskan kepada analisis dapatan yang menekankan kepada dua tema penting iaitu Melayu moden sebagai ideologi generasi baharu dan penyesuaian tradisi dan gaya baharu pembentukan imej Melayu semasa.

### **Media Sosial: Pemaparan Ciri Narsisisme dan Jendela Imaginasi Global**

Ciri-ciri media sosial yang disokong oleh teknologi digital menyukarkan kerajaan memantau aktiviti generasi muda Melayu hari ini. Apatah lagi, pemikiran mereka terhadap ideologi masyarakat Melayu seperti Islam turut sukar untuk diperhalusi lantaran mereka tidak hanya merupakan pengguna aktif tetapi kritikal lantaran tahap pendidikan dan pendedahan

terhadap dunia digital. Menurut Buckingham (2006), generasi digital yang bergantung sepenuhnya dengan internet dan teknologi digital mempunyai kecenderungan tinggi untuk meneroka dan menyatakan sesuatu serta mengukuhkan aspek pembangunan diri. Perwatakan seperti ini turut melibatkan generasi muda Melayu semasa yang menjadikan media sosial seperti *YouTube* dan *Facebook* sebagai tetapak pengakuan awam dan komuniti sosial (Strangelove, 2010). Maka kelebihan ini boleh digunakan untuk berhujah mengenai status politik, budaya dan ideologi masyarakat Melayu seperti adat dan Islam dalam ruang lingkup kehidupan mereka termasuk isu-isu yang melibatkan akidah. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui perbincangan dan perdebatan mengenai kempen *I Want to Touch a Dog* yang menjadi tular di media sosial khususnya *YouTube* dan *Facebook*.

Apa yang ingin ditekankan di sini ialah kecenderungan yang dipamerkan oleh generasi muda Melayu hari ini yang menggunakan media sosial sebagai pentas wacana untuk kempen ini. Media sosial telah membentuk pola khalayak media di Malaysia iaitu daripada khalayak mudah (*simple audience*) dan khalayak massa (*mass audience*) kepada khalayak sebar (*diffused audience*). Berbanding khalayak mudah dan khalayak massa yang sering dikaitkan dengan komunikasi fizikal dan teknologi media tradisional, khalayak sebar sentiasa berada dalam talian menerusi media sosial yang disokong oleh teknologi baharu seperti internet (Abercrombie dan Longhurst, 1998). Mereka turut memperuntukkan masa yang optimum dalam penggunaan media sama ada di ruang peribadi atau ruang awam. Oleh demikian, media berperanan besar dalam membentuk hubungan sosial dan wacana kehidupan seharian lantaran kedekatannya yang menghasilkan titik ketepuan dalam proses penggunaan.

Keadaan ini meletakkan media sosial sebagai suatu medan yang penting dalam kalangan generasi Y Melayu yang secara tidak langsung mewujudkan dua proses interaksi penting. Pertama, pembentukan individu yang bersifat narsisistik (Abercrombie dan Longhurst, 1998). Secara khusus, narsisisme dikaitkan dengan ciri perwatakan positif seperti kecerdikan, kuasa dan tarikan fizikal, keunikan serta hak-hak yang tertentu. Ciri-ciri narsisisme turut meliputi kecenderungan untuk mempamerkan sesuatu, sering mencari jalan untuk mendapatkan

perhatian dan sentiasa mengambil berat tentang penampilan fizikal (Ong, *et al.* 2011; Vazire. *et al.*, 2008). Seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri narsisisme tidak memberi tumpuan kepada hubungan sesama individu atau sebarang perhubungan jangka panjang kerana hanya menggunakan konsep hubungan untuk kelihatan popular, lebih berjaya atau bijak daripada orang lain serta mempamerkan status sosial yang lebih tinggi dan keadaan ini berlaku untuk jangka masa yang pendek (Buffardi dan Campbell, 2008).

Teknologi media pada hari ini berkait rapat dengan kecenderungan seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri narsisisme (Ong, *et al.* 2011). Selain itu, Davenport *et al.* (2014) menyatakan bahawa penerbitan popular telah membentuk fahaman bahawa media sosial yang digerakkan oleh teknologi media moden semasa dan idea narsisisme mempunyai perkaitan yang cukup rapat. Malahan keadaan ini turut diakui oleh laporan akhbar tempatan di Malaysia mengenai kecenderungan generasi Y yang dilihat mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap sesuatu tanggapan yang menongkah arus dan menentang ideologi semasa (*Utusan Malaysia*, 2014). Justeru, media sosial bertindak sebagai satu landasan yang cukup berkesan untuk menggalakkan dan mengetengahkan ciri-ciri narsisisme dengan sejelas-jelasnya.

Buffardi dan Campbell (2008) menyatakan bahawa ciri-ciri media sosial seperti *Facebook* mempunyai bahagian yang menampilkan pemaparan diri seseorang pemilik akaun. Misalnya, pada bahagian 'tentang saya', pemilik akaun akan memberi huraian tentang personaliti diri dan meletakkan petikan tertentu bagi memperlihatkan tahap intelektual. Selain itu, foto yang dimuat naik merupakan ciri terpenting dalam media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*. Foto yang diambil dari pelbagai sudut termasuk berbentuk potret diri atau popular dengan istilah selfie memberikan satu kepuasan yang bersifat sementara dan keadaan ini bergantung kepada jumlah pengguna yang menggemari foto tersebut. Selfie menjadi salah satu budaya popular yang sering dikaitkan dengan generasi muda Melayu (*Utusan Malaysia*, 2014).

Kedua, peranan imaginasi visual yang berpengaruh dalam mencorak identiti dan pandangan individu terhadap dunia moden. Kemampuan

media sosial yang disokong oleh teknologi baharu seperti internet telah membuka seluas-luasnya proses pembentukan identiti peribadi dan hubungan sosial individu melalui imaginasi. Jika imaginasi ditampilkan menerusi mimpi, lagu, fantasi, mitos dan cerita yang merupakan himpunan budaya sesebuah masyarakat tradisional; keadaan ini mula berubah dengan perkembangan teknologi media moden (Appadurai, 1996). Imaginasi mula menjadi suatu fakta visual yang bersifat empirikal dan mewujudkan suatu pemandangan (*spectacle*) yang perlu diambilkira (Chaney, 1993). Seperti yang diujulkan oleh Abercrombie dan Longhurst (1998), dunia dibentuk sebagai suatu peristiwa atau persembahan. Dengan perkataan lain, objek, acara, dan manusia yang membentuk dunia berfungsi untuk melakukan sesuatu bagi tujuan penontonan dan pemaparan kepada khalayak. Kehidupan moden secara umumnya merupakan suatu persoalan pemandangan dan sasaran utama kehidupan moden adalah untuk melihat dan dilihat.

Appadurai (1996) menyatakan bahawa perubahan penting dalam pengendalian budaya global yang dihasilkan oleh teknologi media ialah perkaitan dengan peranan imaginasi dalam kehidupan sosial. Khalayak mula melihat kehidupan mereka menerusi kepelbagaian kandungan yang diketengahkan oleh teknologi media dan secara tidak langsung fantasi juga menjadi amalan sosial dan menyerap masuk dalam segenap aspek kehidupan. Dalam konteks Malaysia moden hari ini, imaginasi dan fantasi bergandingan dalam mengukuhkan aliran teks budaya popular global dan penggunaannya dalam membentuk dunia tanggapan. Misalnya, aliran masuk budaya popular Korea dalam bentuk televisyen drama, fesyen, lagu dan filem popular telah menampilkan satu ruang imaginasi baharu kepada khalayak khususnya generasi Y di Malaysia.

Penyertaan generasi muda Melayu dalam membahaskan kempen *I Want to Touch a Dog* dalam media sosial telah meletakkan mereka sebagai khalayak sebar. Kempen ini turut mewujudkan pembentukan identiti individu yang bersifat narsistik melalui komen dan pandangan khususnya mengenai Islam dan hubungannya dalam masyarakat. Pentafsiran semula Islam menerusi komen dan perdebatan dalam media sosial turut menjadikan kempen *I Want to Touch a Dog* sebagai suatu objek pemandangan berbentuk imaginasi visual yang seterusnya



mewujudkan wacana mengenai kemodenan dan perkaitannya dengan pembentukan identiti dalam kalangan generasi muda Melayu moden.

### **Melayu Baru, Islam dan Wacana Kemodenan**

Pada dekad 1970-an, Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara moden. Dasar ini menumpukan kepada dua objektif penting iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (Shamsul Amri, 1999). Dasar ini turut diketengahkan sebagai satu usaha untuk mewujudkan golongan kelas menengah Melayu menerusi pembangunan ekonomi dalam usaha mengatasi kemiskinan khususnya di kawasan luar bandar. Menurut Furlow (2009), kejayaan ekonomi Malaysia dan perubahan sosial yang dijalankan telah menuntut perlunya satu transformasi dalam pembentukan identiti Melayu. Konsep Melayu Baru telah pertama kali diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad yang mengutarakan sebuah model generasi berpendidikan tinggi, mempunyai tahap keyakinan lebih baik, rasional dan mampu memajukan ekonomi negara menerusi penggunaan teknologi maklumat.

DEB menggalurkan kewujudan golongan kelas menengah Melayu yang berpeluang menjawat tugas profesional seperti saintis, doktor perubatan dan peguam yang biasanya dikaitkan dengan dunia *urban* (Rahimah, 2012). Pembentukan imej Melayu baru merupakan suatu usaha penting kerajaan dalam mencorak ideologi kemodenan negara. Thompson (2003) menyatakan bahawa idea untuk mengetengahkan konsep Melayu baru yang bercirikan kosmopolitan, mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berdikari adalah untuk memperbaiki tanggapan terhadap masyarakat Melayu yang ketinggalan, tinggal di luar bandar dan amat bergantung harap seperti yang biasa difikirkan dalam imaginasi popular. Menurut Rahimah (2012), tempoh terakhir fasa DEB pada penghujung 1990-an telah menyaksikan penurunan kadar pekerjaan dalam sektor pertanian dan pergerakan masyarakat dari kawasan pedalaman ke kawasan bandar. Kesannya, proses perbandaran menyebabkan berlakunya transformasi yang pesat dalam kalangan masyarakat Melayu.

Keadaan ini turut menyumbang kepada perubahan struktur kelas dalam masyarakat dengan wujudnya kelas menengah Melayu yang menjadi pemandangan baharu sama ada di kawasan bandar atau luar bandar (Rahimah, 2012). Namun, proses pembentukan imej tersebut tidak dapat lari daripada nilai-nilai Islam yang menjadi pemangkin utama dalam struktur ideologi masyarakat Melayu. Malahan, penekanan terhadap Islam boleh diteliti melalui pelbagai projek kemodenan negara termasuklah pembentukan imej Melayu baru. Islam telah memberi kesan yang cukup besar kepada masyarakat Melayu. Penguatan nilai-nilai Islam yang berlaku menerusi aktiviti dakwah pada tahun 1970-an telah mempengaruhi golongan kelas menengah dan pemimpin politik UMNO dan PAS (Norani, 1998; Shamsul Amri, 1997).

Menurut Zainah (1987), dakwah membawa pengertian penyebaran atau panggilan seperti yang dilakukan dalam hal ehwal keagamaan. Namun dalam konteks Malaysia, dakwah telah diluaskan dengan objektif menjadikan seseorang Islam individu yang lebih murni. Norani (1998) menyatakan bahawa pengaruh semasa kebangkitan Islam global pada tahun 1970-an telah mendorong golongan kelas menengah Melayu berkempen untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang tulen. Mereka turut membawa unsur-unsur kebangkitan Islam dan dakwah ke dalam program pemodenan negara khususnya dalam kebanyakan projek di bawah DEB. Malahan, seperti yang dinyatakan oleh Shamsul Amri (1999), kebanyakan tokoh gerakan Islam di Malaysia memegang jawatan penting dalam bidang profesional dan perkhidmatan awam serta politik semasa.

Dengan perkataan lain, setiap wacana kemodenan yang muncul dalam persekitaran semasa akan diwarnai dengan nilai-nilai Islam yang seterusnya akan mencorak pemahaman dan penaakulan seseorang individu dalam kelompok masyarakat Melayu. Antara wacana kemodenan penting dalam proses pemodenan negara ialah isu kepenggunaan yang turut mencakupi peraturan halal dan haram. Menurut Fischer (2008), topik kepenggunaan sering diperhalusi dan menjadi tumpuan utama dalam setiap wacana yang melibatkan politik dan agama. Peraturan yang menekankan nilai-nilai Islam ini telah lama sebatik dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam dan perkaitannya

dengan wacana kepenggunaan telah diperluas kepada aspek-aspek yang bersifat pelbagai termasuklah isu-isu yang melibatkan politik, sosial dan juga ekonomi. Sebagai contoh, pertembungan antara UMNO dan PAS turut melibatkan wacana politik yang mengetengahkan konsep halal dan haram dimainkan secara berterusan sehingga ke hari ini khususnya dalam proses pemutusan soal-soal politik dan sosial.

Pengaruh Islam dalam kehidupan golongan kelas menengah Melayu terutamanya wacana kemodenan telah membentuk suatu identiti peribadi yang tersendiri. Namun, perubahan zaman telah menyaksikan generasi muda Melayu hari ini menjadi tepu dan bergantung sepenuhnya dengan media digital dalam kehidupan seharian. Pada masa yang sama terdapat kecenderungan yang tinggi dalam kalangan mereka untuk menimbang tara konsep halal dan haram serta menyesuaikan kod peraturan Islam dengan persekitaran moden dan terbuka. Kecenderungan ini dipamerkan menerusi pandangan, tafsiran dan kritikan yang disuarakan menerusi media sosial. Seperti yang dibincangkan pada bahagian awal artikel ini, antara isu yang mendapat perhatian generasi muda Melayu ialah kempen *I Want to Touch a Dog* yang digerakkan menerusi media sosial.

### **Etnografi Khalayak dan Analisis Kandungan Kualitatif sebagai Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi khalayak sebagai salah satu kaedah klasik dalam memahami penggunaan teknologi media khususnya dalam kalangan generasi muda Melayu semasa. Lantaran khalayak telah masuk ke dalam era digital, kajian khalayak telah memperlihatkan kecenderungan penyertaan dalam masyarakat yang dibentuk oleh jaringan media digital (Livingstone, 2013). Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan etnografi khalayak yang menitikberatkan kaedah temubual mendalam di lokasi tertentu. Dalam kajian ini, generasi muda Melayu yang merupakan pengguna tegar *Facebook* telah dipilih menjadi subjek utama kajian. Menerusi kaedah *snowballing*, seramai 16 orang responden dari tiga universiti awam yang mempunyai kedekatan yang luas dengan media – Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Kebangsaan Malaysia berjaya dipilih untuk menjadi subjek kajian. Universiti awam ini dipilih kerana kedekatannya dengan

kepentingan Melayu seperti pengukuhan pengajian Melayu, pemilikan penuh Melayu-Bumiputra dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Selain temubual mendalam, kajian ini turut menggunakan analisis kandungan kualitatif (Hsieh dan Shannon, 2005) terhadap teks berbentuk petikan yang terdapat dalam ruangan komen dalam media sosial khususnya *YouTube* bagi tujuan analisis kritikal. Dapatan kajian ini juga tidak mempunyai kecenderungan untuk mewakili gambaran keseluruhan mengenai proses pembentukan identiti generasi muda Melayu semasa di negara ini. Sebaliknya, dapatan ini menyumbang kepada kepelbagaian tafsiran pengalaman (Wilson, 2004) hasil daripada proses penyesuaian dan pandangan individu terhadap Islam yang menjadi komponen terpenting dalam mencorak ideologi kemodenan negara dan pembentukan identiti peribadi. Justeru itu, pandangan responden adalah bersifat rencam.

Kajian ini turut menggunakan soalan tidak berstruktur yang membolehkan responden memberikan pandangan atau tafsiran terhadap isu kempen *I Want to Touch a Dog* dan perkaitannya dengan Islam dan wacana kemodenan Malaysia. Dengan perkataan lain, dapatan temubual mendalam tidak hanya tertumpu kepada kontroversi kempen *I Want to Touch a Dog* tetapi turut diperluas kepada aspek-aspek lain yang berkaitan khususnya proses pembentukan identiti Melayu moden dalam kalangan generasi muda Melayu semasa dan Islam sebagai ideologi penting dalam kehidupan seharian. Gabungan kaedah temubual mendalam dan analisis kandungan kualitatif telah membantu pengkaji untuk mewujudkan dua tema penting sebagai dapatan utama kajian ini iaitu Melayu moden sebagai ideologi generasi baharu dan penyesuaian tradisi dan gaya baharu pembinaan imej Melayu.

### **Melayu Moden sebagai Ideologi Generasi Baharu**

Istilah moden sebagai satu ideologi memberikan tafsiran yang pelbagai. Ideologi kemodenan yang lahir di Barat telah menganjurkan ciri-ciri yang jelas seperti saranan Giddens (1991) 'landasan utama dalam idea kemodenan mestilah bertentangan dengan nilai-nilai tradisi.' Dalam

konteks ini, sesetengah responden menyatakan kecenderungan mereka untuk mempersoalkan pengaruh ideologi asas masyarakat Melayu seperti adat Melayu dalam konteks semasa. Keadaan ini berlaku lantaran perwatakan generasi Y itu sendiri yang amat berbeza dengan generasi lain. Menurut Parlfrey dan Gasser (2008), generasi Y atau dikenali pribumi digital adalah generasi yang lahir selepas tahun 1980. Kehidupan mereka amat tepu dengan penggunaan teknologi digital untuk tujuan interaksi sosial, persahabatan dan aktiviti sivik (Parlfrey dan Gasser, 2008). Kesannya, mereka mempunyai tafsiran yang tersendiri terhadap dunia tradisi. Berdasarkan kempen *I Want to Touch a Dog* sebagai suatu kajian kes, kebanyakan responden yang ditemui mempamerkan keinginan untuk memisahkan diri dengan nilai-nilai adat Melayu yang dianggap remeh, tidak bersifat moden dan cenderung mempersoalkan tentang nilai-nilai Islam dengan pendekatan logik. Dunia moden hari ini yang tepu dengan aliran komoditi dan imej menerusi media bagi sesetengah responden dalam kajian ini adalah suatu pandangan fantasi yang mampu memisahkan mereka dengan dunia tradisi masyarakat Melayu.

Bagi saya orang yang berpegang sangat dengan adat 'ni boleh kita kategorikan sebagai sangat Melayu. Saya berdarah campuran Cina dan amat biasa dengan budaya Cina. Ketika saya belajar di sekolah dulu saya lihat pelajar Melayu selalu tidak fokus dalam kelas. Semua benda mereka akan jadikan bahan lawak. Saya tidak faham kenapa perlu wujud adat seperti merenjis air mawar dan buat bunga telur yang menyusahkan anak-anak muda sekarang untuk berkahwin. Kalau tak buat terasa amat bersalah. Saudara mara akan mula bercakap yang bukan-bukan. Bagi saya kaum Melayu agak takut keluar daripada sempadan budaya mereka.

L – UiTM

Manusia kena seiring dengan zaman. Bila zaman berubah manusia pun berubah. Tidak kira Melayu Cina atau India. Budaya memang susah hendak diterapkan dari awal hingga ke akhir. Kalau zaman moden ini ada benda yang lebih baik, kenapa kita perlu patah balik? Bukanlah kita buang semua budaya kerana itu identiti kita. Kalau ada sesuatu yang lebih moden dan membolehkan kita maju ke hadapan, kenapa kita tidak mahu gunakan?

A – UM

*Simm im sorry for the malays mentality...im also a malay...its not islam to blame but the malays...islam in other countries are ok with dogs only the malay culture dont really like dogs...bcoz they dont really understand islam n uneducated...so sorry...*

Erick Phalasma<sup>1</sup>

Pandangan L terhadap sikap orang Melayu yang tidak fokus dan gemar berjenaka boleh dikaitkan dengan imej orang Melayu di Melaka seperti yang dilaporkan oleh Francois Valentyn pada tahun 1726 yakni '...pada dasarnya orang Melayu [itu] lincah, lucu, dengan kesombongan diri yang besar' (Alatas, 1988). Dalam konteks ini, kecenderungan L untuk menjadi lebih fokus dan tidak berjenaka dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan di sekolah merpamerkan satu pergerakan kepada identiti baharu dalam usaha menjadi seseorang individu yang lebih baik. L turut mempersoalkan tentang peranan adat Melayu yang dianggap sebagai satu kenebat birokrasi yang memperlahankan proses tertentu seperti perkahwinan.

Selain itu, pandangan L selari dengan kecenderungan A yang menekankan bahawa masyarakat perlu berubah jika zaman moden menawarkan sesuatu yang lebih baik. Kecenderungan A yang memerlukan kemodenan kerana tawaran kehidupan yang lebih baik mempamerkan sikap narsisisme beliau yang ketara. Namun, sikap narsisisme ini mempunyai timbang tara lantaran beliau masih menganggap budaya merupakan suatu sumber identiti yang tidak boleh dipinggirkan. Pandangan yang selari dan bertentangan antara A dan L memberi gambaran yang luas tentang apa yang digariskan oleh Appadurai (1996) bahawa penggunaan media dan pergerakan geografi menjadikan kemodenan tidak bersifat global lantaran imaginasi dan fantasi yang berbeza mengikut kemahuan individu. Pada masa yang sama, komen yang terpamer menerusi media sosial seperti *YouTube* mengenai kempen *I Want to Touch a Dog* turut meletakkan sikap narsisisme generasi Melayu muda mengenai Islam dan hubungannya dengan orang Melayu. Pandangan Erick Phalasma jelas menunjukkan perbezaan pemahaman beliau mengenai Islam berbanding seperti apa yang diterapkan dalam masyarakat Melayu selama ini. Beliau turut menjadikan isu anjing dalam kempen *I Want to Touch a Dog* sebagai suatu medan imaginasi dalam usaha membandingkan Islam dan hubungannya dalam masyarakat di pelbagai negara.

Penggunaan media sosial dalam proses sosialisasi dan hubungannya dengan generasi muda Melayu hari ini telah memperlihatkan suatu fenomena baharu mengenai konsep ruang awam. Dalam membincangkan tentang ruang awam, sarjana seperti Habermas (1991) telah mengemukakan idea mengenai perkaitan rapat antara budaya popular dan pembaharuan politik. Beliau menyatakan bahawa ruang awam wujud sebagai sebagai suatu ruang perubahan yang menggalakkan demokrasi dipisahkan daripada kawalan kerajaan dan dikembalikan kepada penyertaan khalayak massa. Kemunculan media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan *Twitter* telah memberi generasi muda Melayu suatu cara yang berkesan untuk mendekati diri dengan prinsip-prinsip demokrasi termasuklah menyatakan hak kebebasan bersuara. Secara tidak langsung, sikap narsisisme mereka terpamer dengan jelas khususnya dalam menyuarakan kebebasan individu untuk menyertai kempen *I Want to Touch a Dog*. Tapscott (2008) dalam huraianya mengenai generasi Y menyatakan bahawa mereka tidak sahaja gemar memerhati tetapi cenderung untuk menyertai dalam apa jua acara.

Dalam hal ini, kempen tersebut turut menjadi objek imaginasi visual dalam kalangan generasi muda Melayu hari ini untuk membentuk tanggapan terhadap dunia sosial semasa. Misalnya, kecenderungan generasi muda Melayu hari ini dalam mempersoalkan sesuatu, berhujah dan berbincang, melakukan siasatan dan berfantasi menerusi komen dan foto yang ditampilkan menerusi media sosial secara tidak langsung meletakkan tanggapan sebagai suatu proses yang penting dalam membentuk identiti peribadi individu. Hujahan dan persoalan yang biasanya disertakan dengan foto dan bukti yang tertentu menjadikan mereka sentiasa berfikir bahawa adalah sesuatu yang baik jika ketrampilan mereka tidak sahaja kelihatan sempurna malah bebas menyatakan sesuatu. Kesempurnaan ini boleh dianggap sebagai suatu pencapaian kepada tahap narsisisme dalam kehidupan mereka. Seperti yang dikemukakan oleh Tapscot (2008), generasi Y amat mementingkan kebebasan dalam apa jua perkara yang mereka lakukan. Fenomena ini dipamerkan oleh beberapa orang responden dalam kajian ini yang cenderung menolak istilah naungan atau protokol dalam kehidupan mereka.

Pada saya ini – *I want to touch a dog* – acara yang baik. Melayu yang moden ada yang kita boleh ambil dan ada yang tak boleh. Sekarang semuanya bergerak dengan cepat. Kalau kita masih dengan cara Melayu yang dahulu yang terlalu banyak protokol semuanya akan jadi perlahan. Walhal kita boleh melangkau dan dapat pencapaian yang sama. Kenapa kita perlu ikut semua protokol itu untuk dapat benda yang sama?

M -UiTM

Bagi saya, media sosial seperti *Twitter* amat bagus kalau pemimpin politik dapat balas dengan cepat. Ini menunjukkan mereka hormat pandangan kita. Saya pernah tweet Anwar Ibrahim dan dia balas tweet saya dengan cepat dan saya rasa bangga sangat. Saya yakin yang beliau sendiri buat sebab bahasa yang digunakan itu tidak sama macam sesetengah pemimpin UMNO seperti Najib Razak yang bahasanya formal dan diplomatik. Nampak macam bukan dia yang balas.

L – UiTM

Berdasarkan pandangan di atas, amat jelas bahawa istilah seperti protokol dan persamaan menjadi isu penting dalam generasi muda Melayu semasa. Kenyataan M mengenai isu *I Want to Touch a Dog* dan perkaitannya dengan istilah protokol dalam mengejar kemodenan merupakan satu ciri narsisisme yang hadir dengan kesan positif dan negatif. Sebagai contoh, beliau melihat kempen *I Want to Touch a Dog* adalah acara yang sihat dalam memberi kesedaran terhadap haiwan dalam masyarakat Malaysia tanpa menghiraukan pandangan kritikal institusi tertentu seperti JAKIM. Namun, kesan negatif boleh dilihat ketika beliau cuba menafikan kewujudan protokol yang melambatkan proses pemodenan dalam masyarakat.

Keengganan M menuruti protokol boleh dikaitkan juga dengan pandangan L yang melihat persamaan hak sebagai satu isu yang penting dalam kehidupan. L yang menanggapi media sosial sebagai suatu pemandangan baharu menggunakan imaginasi untuk menolak protokol dalam kehidupan moden. Beliau meluaskan perbincangan kempen *I Want to Touch a Dog* kepada dunia politik Melayu yang amat mementingkan konsep naungan dan protokol yang tertentu. Dengan



menggunakan media sosial sebagai suatu landasan untuk berinteraksi dengan pemimpin, beliau tidak sahaja kritikal malah mempersoalkan kredibiliti pemimpin utama kerajaan dalam proses berinteraksi dengan generasi Y. Dalam hal ini, beliau mempamerkan perlakuan narsisisme dengan menolak usaha-usaha penaungan dalam konteks kehidupan seharian yang telah sebatu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh Tapscot (2008), generasi Y menjadikan integriti atau kejujuran sebagai prinsip utama dalam kehidupan.

Dalam memperkatakan tentang protokol, perbezaan gaya menyampaikan pandangan jelas kelihatan ketika responden di temubual. Mereka kelihatan agak terkawal ketika menjelaskan isu-isu semasa khususnya kempen *I Want to Touch a Dog*. Keadaan ini agak berbeza dengan komen generasi Y dalam media sosial seperti *YouTube* mengenai isu yang sama. Kebanyakan mereka menyuarakan pandangan dengan bebas termasuklah mempertikaikan ideologi Melayu dan institusi bertanggungjawab dalam hal-hal yang melibatkan Islam.

*Eh you all, Rokok, minum and rogol also haram why you all still continue to do? She's just touching a dog wanna make a big fuss of it bringing her mother and bringing god into this. Langsung tidak bertamadun. Grow up and stop living under a rock. If god were to put dogs as absolutely haram it wont state that dogs are one of the creatures who would also go to heaven. So stop being a hypocrite you are and judging people. They do what they want.*

ix3Rukia<sup>2</sup>

*Tapi mazhab lain x cakap yg sentuh tu haram? Mazhab lain sesat ke? same jugak dgn rokokkan? kalau faham knp rokok itu haram rase nye terjawab jugak persoalan itu. tapi keluar nye fatwa rokok adakah hukum rokok itu berdasarkan pendapat atau fahaman syafie atau berdasar kan Al-Quran & Hadis? serta dalil2 naqli yg lain sebagai sokongan?*

moostaq18<sup>3</sup>

Media sosial yang disokong oleh teknologi baharu seperti internet tidak mempunyai batasan dalam menyatakan sesuatu isu. Berbeza dengan pandangan responden yang ditemubual secara mendalam, kenyataan

oleh ix3Rukia mengenai isu yang serupa memperlihatkan nada yang amat berbeza terutamanya hujahan dan pertikaian mereka terhadap anjing sebagai subjek yang dianggap haram oleh Islam. Selain itu, hujahan dan pertikaian ini juga meletakkan acara ini sebagai suatu pemandangan luar biasa yang dilihat dengan kritikal oleh khalayak seperti ix3Rukia – meskipun anjing adalah subjek harian biasa yang sering dipaparkan di media massa.

Namun, media sosial menampilkan isu ini dengan cara yang amat berbeza termasuklah himpunan imej dan wacana yang bersifat interaktif telah memberi kesan yang menakjubkan dari kaca mata generasi Y. Keadaan ini mendorong perlakuan narsisime mereka menjadi lebih ketara khususnya ketika memperdebatkan dan berhujah mengenai Islam. Pandangan Moostaq18 mengenai mazhab-mazhab tertentu dalam Islam yang membenarkan anjing disentuh dalam kehidupan dengan jelas mempamerkan kecenderungan beliau untuk mendapatkan perhatian khalayak umum lantaran kebolehannya berhujah dan membuat perbandingan mengenai konsep haram di antara status rokok dan anjing dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Seperti juga maksud dan versi kemodenan yang bersifat pelbagai, identiti generasi Y turut wujud dalam bentuk yang berbeza (Palfrey dan Gasser, 2013). Meskipun terdapat responden dalam kajian ini yang mementingkan integriti dan sama sekali tidak bersetuju dengan kecenderungan pemerintah untuk menaungi kehidupan mereka, beberapa responden lain yang ditemui masih memerlukan ideologi pemerintah dalam konteks kehidupan. Antaranya, mereka masih lagi berpegang dengan minda kelas pertama dalam memberikan takrifan generasi moden Melayu seperti yang digariskan dalam teras kedua Rancangan Malaysia Kesembilan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi (*Utusan Malaysia*, 2008).

Saya rasa belum capai tahap Melayu moden. Saya rasa melayu moden kena ada pendidikan dan pemikirannya mesti kelas pertama. Jika ada dua ciri ini baru boleh dipanggil melayu moden. Pemikiran kelas pertama maksud saya ialah bagaimana dia berfikir dengan cara yang matang sebab budak Melayu masih guna gaya yang kuno.

Tengok sahaja acara mereka kemaskini status dan komen. Saya rasa semuanya masih lagi ketinggalan.

A – UKM

Melayu moden adalah Melayu yang berfikiran ilmiah, yang menghargai asal usul dan bukan yang nampak mudah tetapi kompleks dari segi perwatakannya. Kalau kita hendak jadi moden kita mesti berkiblatkan kearah kemajuan dan pembangunan diri. Pendidikan itu penting untuk pembangunan diri. Kita tidak boleh lari daripada kedua-duanya.

M – UKM

Video bodoh utk orang yg bodoh dgn ugama Islam....suka-suka dia aje nak pegang anjing...dia ingat ugama islam ni macam ugama lain yg bebas buat sesuatu ikut logik akal...kebebasan nak buat sesuatu tanpa panduan (hukum) akan memudaratkan.....dah moden sangatlah konon...ngok!

Kaiser cruff<sup>4</sup>

Pendidikan telah menjadi agenda penting dalam DEB yang menggariskan pendidikan sebagai ciri utama dalam melahirkan golongan kelas menengah Melayu atau lebih dikenali sebagai Melayu Baru. Seperti yang dilaporkan oleh kebanyakan sarjana (Shamsul, 1999; Zainah, 1987 dan Ong, 1990), kerajaan telah memberikan pelbagai peluang kepada kaum Melayu khususnya mereka yang tinggal di luar bandar untuk menyambung pengajian sama ada di dalam atau luar negara. Pandangan A dan M yang menjadikan pendidikan sebagai satu penanda aras dalam memberi takrifan terhadap Melayu moden secara tidak langsung mempertikaikan ciri generasi Y oleh Tapscot (2008) yang menyatakan bahawa golongan ini bukan sahaja amat cerdik tetapi mempunyai ciri narsisisme yang tinggi.

Sebagai contoh, A meluaskan perbincangan mengenai kempen *I Want to Touch a Dog* kepada ciri-ciri Melayu yang moden menerusi penggunaan media sosial seperti *YouTube* dan *Facebook*. Beliau menganggap bahawa kebanyakan generasi muda Melayu hari ini masih ketinggalan daripada segi pemikiran berdasarkan status kemaskini dan komen yang dilontarkan dalam akaun *Facebook* masing-masing. Pandangan A mempamerkan

ciri narsisisme yang amat ketara lantaran beliau menggunakan status pendidikannya untuk mengkritik pengguna *Facebook* lain yang masih lagi tidak mencapai tahap pemikiran matang seperti beliau. Pandangan A dipersetujui oleh M yang menghargai pendidikan sebagai kaedah penting untuk mencapai pembangunan dalam dunia moden. Tumpuan M terhadap pendidikan merupakan suatu imaginasi penting yang kebanyakannya digunakan oleh generasi muda Melayu semasa dalam menggerakkan status sosial mereka ke tahap yang lebih baik. Keputusan beliau untuk berkiblatkan kepada kemajuan dan pembangunan diri bagi mencapai hasrat menjadi seorang yang lebih moden turut mempamerkan sikap narsisisme dengan menjarakkan diri daripada nilai-nilai Islam yang mementingkan kesederhanaan dalam masyarakat.

Namun, tidak semua generasi muda Melayu semasa beranggapan bahawa kemodenan merupakan matlamat penting dalam kehidupan. Hal ini boleh dibuktikan dengan tafsiran mereka yang bersifat rencam terhadap kempen *I Want to Touch a Dog*. Kaiser cruff dalam kritiknya terhadap kempen ini menerusi YouTube menyatakan bahawa kebebasan mempertikaikan Islam dan menghalalkan anjing untuk disentuh adalah perbuatan yang tidak boleh diterima. Namun, pandangan Kaiser cruff turut mempamerkan ciri narsisisme yang tinggi lantaran beliau beranggapan bahawa generasi muda Melayu yang terlibat dalam kempen ini mempunyai pengetahuan agama yang cetek. Sikap beliau yang tidak bertolak ansur dengan kempen *I Want to Touch a Dog* mempamerkan pandangan individu yang masih mengekalkan identiti yang bertunjangkan nilai-nilai Islam.

### **Penyesuaian Tradisi dan Gaya Baharu Pembinaan Imej Melayu Semasa**

Selain daripada ideologi politik, media sosial digunakan hampir setiap hari oleh generasi muda Melayu semasa yang tidak hanya mengukuhkan pembinaan identiti malah mempersoalkan struktur identiti budaya masyarakat Melayu. Walaupun pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan MAIS memberikan reaksi negatif terhadap kempen *I Want to Touch a Dog* (*Bernama*, 2014; *Mstar*, 2014), pandangan yang diberikan oleh responden dalam kajian ini ternyata agak berbeza. Misalnya, J

menjadikan faktor persekitaran budaya semasa sebagai alasan utama untuk menjadikan anjing sebagai subjek yang perlu diberikan perhatian.

Pada saya kempen bersikap terbuka sebegini cuba menunjukkan bahawa anjing adalah binatang yang *harmless*. Kita dari kecil sampai besar mesti diberitahu bahawa anjing haram, anjing tak boleh pegang, anjing gigit orang. Nampak anjing semua orang lari. Kenapa perlu lari? Anjing tidak akan mengacau kita kalau dia tidak dikacau. Satu lagi, saya dibesarkan dengan kawan-kawan Cina dan India. Jadi anjing boleh dikatakan saya pun dah pegang juga. Kalau hendak lihat dari sudut agama memanglah salah. Tapi *cultural surrounding* saya dibesarkan membolehkan saya *adapt* dengan situasi begini.

J, 22 (UiTM)

Bukan macam *ni* yang islam saran.. pegang anjing sesuka hati siap *posing bgambar*.. pegang dengan bsebab.. *cnth* anjing lemas etc.. syed azmi!! Benci *dgn* sikap awak.. tuhan kurniakan akal utk fikir.. *jgn* nk putar belitkan.. atas sebab kejiranan konon..

Nadia Neddy<sup>5</sup>

Dalam kes ini, J melihat anjing sebagai binatang yang tidak berbahaya dan tanggapan terhadap anjing perlu diubah. Pandangan J boleh dianggap sebagai satu usaha penyesuaian semula tradisi yang sering menyatakan anjing sebagai haram dan tidak boleh dipegang. Meskipun J sedar bahawa anjing adalah haram di sisi agama Islam, tetap beliau tidak dapat menolak fakta bahawa proses kehidupan di bandar besar mula bergerak ke arah masyarakat berbilang kaum yang menuntut usaha-usaha pengadaptasian terhadap suasana kehidupan yang baharu. Dari suatu segi, imaginasi J terhadap anjing sebagai binatang yang tidak berbahaya telah mengubah identiti beliau sebagai seorang Melayu yang tradisional. Apatah lagi, J menjadikan faktor persekitaran peribadi beliau sebagai cara untuk mengatasi imaginasi tradisional masyarakat Melayu yang sering menganggap anjing sebagai subjek yang tidak boleh disentuh dan membawa penyakit.

Imaginasi generasi muda Melayu yang rencam tidak menafikan kewujudan individu yang mengekalkan imaginasi masyarakat Melayu

yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan menolak perubahan identiti dalam wacana kemodenan semasa. Sebagai contoh, Nadia Neddy menafikan kemampuan media sosial membuka imaginasi individu dan memberi peluang untuk berhujah mengenai identiti dan ideologi masyarakat Melayu khususnya Islam. Berbeza dengan pandangan J, beliau masih beranggapan bahawa anjing adalah haram dan mempertikaikan objektif kempen yang lari dari matlamat sebenar. Seorang lagi responden yang ditemui menilai kempen *I Want to Touch a Dog* dari sudut yang lebih positif. Q yang mengikuti perkembangan kempen tersebut menerusi *Facebook* menyambut baik usaha-usaha memahami anjing sebagai subjek yang haram dalam agama Islam dan teknik penyucian jika berlaku penyentuhan. Namun, Q turut mempertikaikan penggunaan anjing peliharaan dalam kempen tersebut yang menarik perhatian para pengunjung untuk memegangnya dengan sengaja.

Isu ini menjadi *viral* dalam *Facebook*. Ada yang cakap kita orang Melayu mana boleh pegang anjing. Kalau kita lihat balik apa yang penganjur cuba *highlight* dalam *event* ini ialah kehadiran ustaz yang mengajar macam mana hendak menyucikan diri kalau terpegang anjing. Ironinya di sini anjing yang datang semua lawa-lawa. Siapa yang tidak mahu pegang. Cuba kalau anjing jalanan yang buruk-buruk ada orang yang nak pegang? Kalau kita tengok betul-betul media hari ini apa-apa yang berkaitan dengan Melayu dan Islam mesti akan *boom* meletup dan tarik perhatian ramai. Walhal *event* ini tidak ada beri kesan apa-apa pun.

Q, 21 (UM)

*Tak* salah rasanya kalau nak bercakap tentang anjing. Mereka juga makhluk Allah. Kebanyakan umat Islam salah anggap bahawa mereka boleh membunuh anjing sesuka hati *dek* kerana anjing merupakan najis. Walaupun anjing adalah najis, tetapi mereka adalah makhluk Allah yang sentiasa berzikir kepada ALLAH tanpa henti. Sedangkan manusia sentiasa lupa pada Allah.

Kay Tee<sup>6</sup>

Dalam hal ini, Q menggunakan imaginasi yang sedikit terkawal berdasarkan logik untuk mewajarkan kepentingan mengetahui proses

penyucian diri jika tersentuh anjing. Beliau menganggap kempen ini sebagai positif dan berpandangan bahawa masyarakat perlu memahami konteks anjing sebagai subjek yang menjadi pantang-larang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Beliau bagaimanapun mempersoalkan anjing yang digunakan dalam kempen tersebut yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pendidikan dan bukannya untuk pemaparan umum sehingga tersasar dari segi objektifnya.

Tindakan peserta yang datang memegang anjing dengan sengaja telah menepati sasaran utama kehidupan moden dalam dunia tanggapan hari ini iaitu untuk melihat dan dilihat. Pandangan Q turut dikongsi oleh Kay Tee dalam ulasan menerusi *You Tube* yang turut mewajarkan anjing sebagai makhluk Tuhan yang tidak boleh dianggap remeh. Seperti Q, beliau turut menggunakan pendekatan logik yang mempersoalkan hukum yang telah digariskan dengan jelas dalam Islam yang menjadi sebahagian daripada ideologi masyarakat Melayu. Pewajaran yang logik secara tidak langsung mencerminkan sikap narsisme mereka yang cenderung menjarakkan diri daripada sistem ideologi semasa dan menekankan kebebasan untuk menyatakan pandangan yang menongkah arus.

Pendapat Q dan Kay Tee turut diakui oleh seorang lagi responden, K yang melihat kempen tersebut sebagai usaha yang perlu diberi perhatian kerana memberi kesedaran terhadap orang awam mengenai anjing. Namun, beliau mempersoalkan perlakuan peserta program yang cenderung untuk menggunakan anjing sebagai kaedah untuk mendapatkan perhatian umum.

Saya pernah berada di rumah kawan dan anjing dia datang dan bergerak-gerak tepi saya. Saya pernah sentuh tetapi tidaklah sampai menjilat-jilat. Saya jaga batas. Tentang *event* ini kita kena fikir apa tujuan sebenarnya. Bukan suka-suka tetapi cuba memberi kesedaran kepada orang awam supaya jangan takut dengan anjing. Masalahnya, masyarakat sekarang sukakan perhatian. Itu yang berlaku. Budak-budak muda sekarang sukakan *attention*. *Eh* orang ini sentuh anjing lah! Ambil gambar dan *upload* dalam *Instagram*. Mereka sukakan perhatian sebegini agar semua orang akan fokus pada dia sahaja.

K, 22 (UKM)

Menyedari tentang keupayaan media sosial yang mampu memberikan tanggapan berbeza mengenai kempen *I Want to Touch a Dog*, K turut mengkritik sikap generasi muda hari ini yang menyalahgunakan kelebihan media sosial untuk mendapat populariti dengan jalan mudah. Pandangan K terhadap generasi muda yang membina identiti bercorak narsisisme menerusi media sosial telah merubah imej kempen ini pada kaca mata masyarakat. Kesannya, masyarakat Melayu mula meletakkan anggapan negatif terhadap kempen tersebut yang dipercayai bertujuan untuk mengubah nilai-nilai Islam yang menjadi identiti penting dalam masyarakat. Seorang responden lain, M turut menyarankan agar pengguna media sosial, khasnya generasi muda Melayu, yang mengambil bahagian dalam perdebatan isu *I Want to Touch a Dog* lebih bertanggungjawab terhadap perlakuan narsistik sehingga mengundang tanggapan negatif khalayak umum.

Kalau kita hendak post sesuatu di laman sosial, kita mintalah pihak yang mengkritik pun masih (menggunakan) cara yang berlapik. Dan si polan dah beri gelaran nama yang bukan-bukan. Dah jadi Melayu yang bukan konservatif lah. Kalau dari segi perubahan, saya ni takdelah Melayu sangat. Kadang-kadang ada satu perkara, kau kena keluar daripada kepompong dan pertahankan. Kalau benda tu dah salah, janganlah pergi buat.

M, 22 (UKM)

Boyd (2014) menyatakan bahawa keupayaan media sosial menyebarkan maklumat menerusi perkongsian status turut mampu memberikan kesan negatif dalam usaha mendapatkan perhatian daripada pengguna yang lain. Dalam hal ini, M menganggap bahawa setiap individu perlu bertanggungjawab terhadap *posting* yang dihasilkan. Beliau turut menyarankan bahawa konsep bertanggungjawab perlu diterapkan kepada pengguna yang melakukan *posting* dan mereka yang memberi maklum balas. M turut menegaskan bahawa setiap pandangan yang dikemukakan adalah suatu penanda aras terhadap perubahan identiti terutamanya dalam kalangan generasi muda Melayu semasa. Mengakui dirinya cenderung untuk menjadi lebih terbuka dalam setiap perkara, M masih meletakkan batasan yang tertentu dalam setiap perbuatan.



## Kesimpulan

Media sosial mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam kehidupan generasi Y Melayu dalam memahami isu-isu sosial semasa seperti kempen *I Want to Touch a Dog*. Penggunaannya telah menyumbang kepada pembentukan ideologi Melayu yang lebih moden dan mencorak imej baharu Melayu. Keadaan ini dapat dilihat menerusi ciri narsisisme yang ditampilkan melalui perdebatan, tafsiran dan perbincangan yang rencam mengenai anjing dan hubungannya dengan Islam yang menjadi sebahagian ideologi serta wacana seharian dalam masyarakat Melayu. Pada masa yang sama, Islam menjadi objek imaginasi visual yang mendorong generasi muda Melayu semasa dalam kajian ini menyesuaikan atau mentafsir semula mengikut persekitaran berdasarkan tafsiran yang rencam dan bersifat pelbagai. Pandangan dan pendekatan responden dalam kajian ini turut meletakkan mereka sebagai khalayak sebar dalam teori kajian khalayak yang menyaksikan ketepuan penggunaan media baharu dalam konteks pembentukan wacana seharian.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=4G-YQhr4ZTI>

<sup>2</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=S1SZlga-FQY>

<sup>3</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=S1SZlga-FQY>

<sup>4</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=S1SZlga-FQY>

<sup>5</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=Ymf2sR8GHq0>

<sup>6</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=4G-YQhr4ZTI>

## Rujukan

- Abercrombie, N., & Longhurst, B. J. (1998). *Audiences: A sociological theory of performance and imagination*. London dan California: Sage.
- Alatas, H. (1988). *Mitos pribumi malas: citra orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam kapitalisme kolonial*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.

- Appadurai, A. (1996). *Modernity at large: cultural dimensions of globalization* (Vol. 1). Minnesota: University of Minnesota Press.
- Aziz, R. A. (2012). New Economic Policy and the Malaysian multiethnic middle class. *Asian Ethnicity*, 13(1), 29-46
- Berita Harian. (2014a). JAKIM siasat program I want to touch a dog. <http://www.bharian.com.my/node/12612> (Dicapai pada 7 Mei 2015)
- Berita Harian. (2014b). Penganjur "I want to touch a dog" mohon maaf. <http://www.bharian.com.my/node/13551> (Dicapai pada 30 Mac 2015)
- Bernamea. (2015). Najib nasihat rakyat nilai kesahihan maklumat, jangan muda terpedaya. <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1127155> (Dicapai pada 20 April 2015).
- Boyd, D. (2014). *It's complicated: The social lives of networked teens*. New Haven: Yale University Press.
- Buckingham, D., & Willett, R. (2006). *Digital generations: Children, young people, and the new media*. London: Routledge.
- Buffardi, L. E., & Campbell, W. K. (2008). Narcissism and social networking web sites. *Personality and social psychology bulletin*, 34(10), 1303-1314.
- Chaney, D. C. (1993). *Fictions of collective life: Public drama in late modern culture*. London & New York: Routledge.
- Davenport, S. W., Bergman, S. M., Bergman, J. Z., & Fearington, M. E. (2014). Twitter versus Facebook: Exploring the role of narcissism in the motives and usage of different social media platforms. *Computers in Human Behavior*, 32, 212-220.
- Fischer, J. (2008). *Proper Islamic consumption: Shopping among the Malays in modern Malaysia* (Vol. 113). Copenhagen: NIAS press.
- Furlow, C. A. (2009). Malaysian modernities: Cultural politics and the construction of Muslim technoscientific identities. *Anthropological Quarterly*, 82(1), 197-228.
- Habermas, J. (1991). *The structural transformation of the public sphere: An inquiry into a category of bourgeois society*. MIT Press.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277-1288
- Livingstone, S. (2013). The participation paradigm in audience research. *The Communication Review*, 16(1-2), 21-30.
- Mstar. (2014). Penganjur I want to touch a dog tak tepati persetujuan – MAIS. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/10/21/penganjur-i-want-to-touch-a-dog/> (Dicapai pada 6 Mei 2015)

- Norani Othman. (1998). Islamization and modernization in Malaysia: Competing cultural reassertions and women's identity in a changing society. Dalam Wilford R. & Miller, R.L. (pnyt.), *Women, ethnicity and nationalism: The politics of transition* (hlm. 147-166). London & New York: Routledge.
- Ong, A. (1990). State versus Islam: Malay families, women's bodies, and the body politic in Malaysia. *American Ethnologist*, 17(2), 258-276.
- Ong, E. Y., Ang, R. P., Ho, J. C., Lim, J. C., Goh, D. H., Lee, C. S., & Chua, A. Y. (2011). Narcissism, extraversion and adolescents' self-presentation on Facebook. *Personality and Individual Differences*, 50(2), 180-185
- Palfrey, J., & Gasser, U. (2013). *Born digital: Understanding the first generation of digital natives*. New York: Basic Books.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1997). The Economic Dimension of Malay Nationalism – The Socio-Historical Roots of the New Economic Policy and its Contemporary Implications. [electronic version]. *The Developing Economies*, 35(3), 240- 261.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1999). From Orang Kaya Baru to Melayu Baru. Dalam Pinchess, M. (pnyt.), *Culture and privilege and Capitalist Asia* (hlm. 87-111). London & New York: Routledge.
- Strangelove, M. (2010). *Watching YouTube: Extraordinary videos by ordinary people*. Toronto: University of Toronto Press.
- Tapscott, D. (2008). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World HC*. McGraw-Hill.
- Thompson, E. C. (2003). Malay male migrants: Negotiating contested identities in Malaysia. *American Ethnologist*, 30(3), 418-438
- The Malay Mail. (2016). Polis janji media sosial akan dipantau 'mengikut undang-undang'. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/polis-janji-media-sosial-akan-dipantau-mengikut-undang-undang#sthash.RVJoKuGl.dpuf> (Dicapai pada 15 Januari 2016).
- Utusan Malaysia. (2008). Kajian separuh penggal rancangan malaysia kesembilan 2006-2010. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/specialcoverage/separuhpenggalrmk9/Kajian\\_Separuh\\_Penggal\\_RMK9.pdf](http://ww1.utusan.com.my/utusan/specialcoverage/separuhpenggalrmk9/Kajian_Separuh_Penggal_RMK9.pdf) (Dicapai pada 9 Ogos 2015)
- Utusan Malaysia. (2014a). Sudah sampai masa internet ditapis – Razali. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140811/dn\\_13/Sudah-sampai-masa-internet-ditapis--Razali](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140811/dn_13/Sudah-sampai-masa-internet-ditapis--Razali) (Dicapai pada 25 Julai 2015).
- Utusan Malaysia. (2014b). Budaya buruk selfie. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140429/ke\\_03/Budaya-buruk-selfie](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140429/ke_03/Budaya-buruk-selfie) (Dicapai pada 15 Jun 2015)

- Utusan Malaysia. (2015). Fahami peranan SKMM. <http://m.utusan.com.my/rencana/fahami-peranan-skmm-1.80079> (Dicapai pada 11 Ogos 2015)
- Vazire, S., Naumann, L. P., Rentfrow, P. J., & Gosling, S. D. (2008). Portrait of a narcissist: Manifestations of narcissism in physical appearance. *Journal of Research in Personality*, 42, 1439–1447.
- Wilson, T. (2004). *The playful audience: From talk show viewers to internet users*. New Jersey: Hampton Press.
- Zainah Anwar. (1987). *Islamic revivalism in Malaysia: Dakwah among the students*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.